

Ahmad Husni terus taja *Tutor*

IPOH 9 Ogos - Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah meneruskan usaha dalam meningkatkan prestasi akademik murid dan pelajar dengan menaja akhbar pendidikan *Utusan Malaysia, Tutor* berjumlah RM30,000.

Sumbangan beliau selaku Ahli Parlimen Tambun itu akan diagihkan ke beberapa sekolah rendah dan menengah untuk kegunaan calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di kawasan tersebut.

Ahmad Husni berkata, tajaan itu bagi memberi galakan dan rangsangan kepada murid dan pelajar sama ada di dalam mahupun luar bandar untuk meraih keputusan cemerlang dalam pelajaran.

Menurut beliau, menerusi tajaan akhbar *Tutor*, bahan bacaan itu akan menjadi alat bantuan pengajaran kepada golongan terbabit mengulangaji pelajaran mereka di luar waktu persekolahan.

"Terima kasih dan tahniah kepada *Utusan Malaysia* kerana menghasilkan sesuatu yang begitu mudah untuk pelajar. Menerusi *Tutor*, mereka dapat menggunakan



Terima kasih dan tahniah kepada *Utusan Malaysia* kerana menghasilkan sesuatu yang begitu mudah untuk pelajar. Menerusi *Tutor*, mereka dapat menggunakannya sebagai rujukan tambahan di luar waktu persekolahan."

AHMAD HUSNI HANADZLAH
Menteri Kewangan II

nya sebagai rujukan tambahan di luar waktu persekolahan.

"Ini bermakna pelajar tidak sahaja produktif semasa sesi persekolahan, malah selepas tamat waktu itu di mana mereka akan dapat terus belajar walaupun di rumah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan cek tajaan tersebut kepada Eksekutif

Jabatan Pemasaran Utusan Melayu (Malaysia) Berhad Cawangan Perak, Najib Fahmi Ali di sini hari ini.

Penyerahan cek tajaan itu dilakukan serentak dengan majlis penyampaian peruntukan kepada persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam Parlimen Tambun.

Pada majlis tersebut, sebanyak 26 persatuan dan NGO daripada pelbagai bidang menerima sumbangan yang keseluruhannya berjumlah RM348,000.

Menurut Ahmad Husni, pihaknya akan terus menjalinkan kerjasama dengan *Utusan Malaysia* bagi edaran *Tutor* di sekolah-sekolah di Parlimen Tambun dan berharap usaha yang sama akan turut dilakukan di kawasan lain.

"Kita tahu pada masa sekarang, cabaran untuk individu bangkit tanpa ilmu adalah begitu mencabar. Ini bermakna kalau kita tidak bersedia, kita tidak akan mampu mencapai kejayaan.

"Saya percaya, individu yang membina diri mereka dari segi ilmu pengetahuan, golongan itu yang pada akhirnya menjadi orang yang berjaya," ujarnya.



AHMAD HUSNI HANADZLAH memegang *Tutor* sambil memberi isyarat bagus bersama wakil NGO dalam Majlis Penyerahan Tajaan *Tutor Utusan Malaysia* untuk sekolah-sekolah di Parlimen Tambun di Ipoh, semalam.